

3.2 Latar Belakang Perang Dunia

1. Perang Dunia Pertama berlaku dalam kalangan negara di Eropah termasuk empayar Uthmaniyyah.

- (a) Apakah peristiwa yang berlaku di Eropah yang dianggap sebagai pencetus berlakunya Perang Dunia Pertama di Eropah?

[2 markah]

- (b) Senaraikan dua pakatan yang wujud semasa Perang Dunia Pertama.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (c) Perjanjian Versailles ditandatangani antara Pakatan Berliga dengan Jerman pada 28 Jun 1919. Berdasarkan perjanjian tersebut apakah syarat yang dikenakan kepada Jerman?

[4 markah]

- (d) Jelaskan akibat daripada peristiwa Perang Dunia Pertama.

[4 markah]

3.5 Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita

3.6 Dasar Pendudukan Jepun di Negara Kita

2. Serangan tentera Jepun di Tanah Melayu bermula pada 8 Disember 1941, manakala serangan di Sarawak dan Sabah bermula pada 16 Disember 1941.

- (a) Nyatakan dua slogan yang digunakan oleh tentera Jepun sebagai propaganda menanam semangat anti penjajah di negara Asia.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) 'Kedatangan Jepun ke negara kita bertujuan untuk memenuhi keperluan ekonomi'. Jelaskan pernyataan di atas.

[4 markah]

- (c) Dasar pendudukan Jepun meninggalkan pelbagai kesan kesengsaraan dan penderitaan rakyat. Jelaskan akibat daripada peristiwa pendudukan Jepun tersebut.

[4 markah]

3.9 Keadaan Negara Kita Selepas Kekalahan Jepun

3. Amerika Syarikat telah menggunakan bom atom dalam serangan terhadap Jepun pada bulan Ogos 1945. Peristiwa tersebut membawa kekalahan tentera Jepun dan berakhirnya Perang Dunia Kedua.

- (a) Namakan dua bandar di Jepun yang telah dibom oleh tentera udara Amerika Syarikat.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Kelewatan pendaratan semula tentera British menyebabkan wujud kekosongan kuasa politik di Tanah Melayu dan kesempatan ini telah digunakan oleh tentera Parti Komunis Malaya melalui Bintang Tiga.

Jelaskan antara tindakan yang telah diambil oleh Bintang Tiga dalam mengambil alih kuasa pemerintahan di Tanah Melayu.

[4 markah]

- (c) Pendudukan Jepun memberikan impak negatif terhadap keharmonian masyarakat di negara kita. Jelaskan.

[4 markah]